

# Berita Manmin

NO. 10 18 SEPTEMBER 2022

## “Kami bergembira dengan kasih dan kuasa Tuhan!”

Retret Musim Panas 2022

Tema: Dengan Iman, Tiada Perkara yang Mustahil. (Markus 9:23)



‘Retret Musim Panas Manmin 2022’ telah diadakan dengan tema ‘Dengan Iman, Tiada Perkara yang Mustahil’ (Markus 9:23) di dewan konvensyen Oak Valley Resort di Wonju, Gangwon-do dari 1 Ogos (Isnin) hingga 3 Ogos (Rabu).

Retret ini kali pertama diadakan dalam masa 3 tahun sejak 2019 akibat pandemik Koronavirus. Ramai orang bukan hanya di Korea tetapi juga di luar negara dapat menyertai retret mengikut masa sebenar melalui GCN TV, Internet, dan YouTube. Retret ini diterjemahkan secara serentak ke dalam bahasa Inggeris, Cina, Jepun, Sepanyol, Rusia, Perancis, Mongolia, Hindi, Tamil, Odia, Bhojpuri, Urdu, Cebu, Burma dan bahasa isyarat.

Ramalan cuaca menyatakan bahawa hujan akan turun di kebanyakan tempat di Gangwon-do akibat Taufan Songda kelima dan jejak taufan keenam. Walau bagaimanapun, Tuhan Yang Maha Hidup berkarya dengan suhu dan cuaca yang paling baik supaya jadual retret tidak terganggu.

Selepas ibadat ketibaan pada hari pertama, dalam seminar pada sebelah malamnya, Dr. Soojin Lee, Pemangku Pastor Kanan menyampaikan khutbah yang bertajuk ‘Dengan Iman, Tiada Perkara yang Mustahil’ (Markus 9:23; Yohanes 11:39-44).

Dengan premis, “Jika kita meminta dengan iman penuh kepada Tuhan, tiada perkara yang mustahil”, Dr. Soojin

Lee berkata, “Sebab Lazarus, yang telah mati selama empat hari, dapat hidup kembali adalah kerana keluarganya percaya kepada Tuhan Yang Maha Kuasa, percaya kepada Yesus yang bersatu dengan Tuhan, dan mereka mengasihi Tuhan serta mengasihi Orang yang diutus oleh Tuhan.”

Beliau berkata lagi, “Saya berharap agar kita juga tidak melupakan rahmat yang telah kita terima dan menyematnya dalam hati kita supaya kita dapat memiliki iman dan kasih yang sejati, dan menunjukkan kemuliaan Tuhan melalui pekerjaan-pekerjaan sama ada secara rohani mahupun fizikal yang tiada perkara yang mustahil.



Selepas seminar tersebut, Dr. Soojin Lee memimpin lagu pujian dan doa untuk pertaubatan serta kepenuhan Roh Kudus. Kemudian, beliau mengadakan Perjumpaan Kesembuhan Ilahi dengan sapu tangan kuasa (Kisah Rasul-rasul 19:11-12) yang telah didoakan oleh Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee.

Selain itu, Puan Boknim, Pengarah Pusat Doa Manmin dan Biskop Dr. Myongho Cheong, Biskop Gereja Kesucian Bersatu Yesus Kristus di Africa, berdoa secara peribadi dengan sapu tangan kuasa untuk orang sakit yang telah berdaftar sebelumnya.

Hasilnya, penyakit Parkinson, strok, kesan vaksin, hernia cakera tulang belakang, kesan kemalangan jalan raya, scoliosis, dermatitis, arthritis degeneratif, mecur, katarak, dan lain-lain disembuhkan, penglihatan dan pendengaran dipulihkan dan mereka memberi kemuliaan yang besar kepada Tuhan.

Terutama sekali, karya Roh Kudus yang melangkaui masa dan ruang telah didedahkan kepada anggota-anggota

Manmin yang menontonnya melalui GCN dan Internet di seluruh dunia.

Nicholas Marwa yang menyertai retret secara atas talian dari Kenya, berkata bahawa dia tidak dapat menghidu apa-apa dan telah menderita kesukaran bernafas, tetapi dia telah disembuhkan selepas menerima doa.

Anggota-anggota Manmin yang menyertai retret ini secara atas talian dari India juga berkongsi kesaksian mereka bahawa mereka disembuhkan daripada kesan pendarahan otak, koma, patah tulang rusuk, buasir, cystitis, otitis media dan pelbagai kesakitan.

Selain itu, orang Kristian dari Pakistan, Venezuela, Colombia, Mexico, Peru dan Amerika Syarikat juga berkongsi kesaksian mereka mengikut masa sebenar dan memuliakan Tuhan.

Pada hari kedua, Unggun Api dipimpin oleh Dr. Soojin Lee bersama-sama dengan korus, pasukan penyembahan dan kumpulan muzik membuatkan acara tersebut sangat menyentuh hati.

Pada bahagian pertama, kita memberi

kesyukuran atas rahmat dan kasih Tuhan Trinitas, dan mempersembahkan pujian iman dengan harapan syurga.

Kemudian, persembahkan lagu khas "Lagu Gembira" oleh Misi Kanaan, dan seterusnya "Manmin" dan "Aku akan Mengikuti-Nya" oleh persatuan pastor membawa kegembiraan dan sukacita kepada anggota Manmin.

Pada bahagian kedua, dengan mengenang rahmat dan kasih Tuhan yang telah tercapai dalam ketentuan Tuhan, kita bertekad untuk menjalankan tugas dengan bersungguh-sungguh dengan harapan untuk penyertaan Tuhan yang tidak berubah bersama Manmin dan untuk hari kehendak Tuhan akan memenuhi seluruh bumi.

Selepas 'Retret Musim Panas 2022' yang mana kita berasa gembira akan kasih dan kuasa Tuhan Trinitas yang besar, Manmin akan menjadi satu dalam Roh Kudus dan mencapai ketentuan Tuhan yang besar dengan lebih bersungguh-sungguh untuk melakar hari kemuliaan dan berkat.



## Pengakuan Iman

1. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa Alkitab ialah Firman Tuhan yang sempurna dan tidak bercacat cela.
2. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kesatuan dan karya Tuhan Trinitas: Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Tuhan Roh Kudus.
3. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa kita diampunkan daripada dosa kita hanya melalui darah penebusan Yesus Kristus.
4. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kebangkitan dan pengangkatan Yesus Kristus, Kedatangan-Nya yang Kedua, Kerajaan Seribu Tahun, dan Syurga yang abadi.
5. Anggota Manmin mengaku iman mereka melalui "Pengakuan Iman Rasul" pada setiap kali mereka berkumpul dan percaya kepada kandungannya kata demi kata.

"[Tuhan] Dialah yang memberikan hidup dan nafas serta segala sesuatu kepada manusia." (Kisah Rasul-rasul 17:25)  
 "Hanya melalui Yesus orang diselamatkan, kerana di seluruh dunia tiada orang lain yang mendapat kekuasaan daripada Allah untuk menyelamatkan kita." (Kisah Rasul-rasul 4:12)



Oleh Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee

## Kebijaksanaan Tersembunyi yang Ditentukan oleh Tuhan sebelum Dunia Ini Diciptakan

“Kebijaksanaan yang aku sampaikan itu kebijaksanaan daripada Allah. Kebijaksanaan itu tidak diketahui oleh umat manusia, tetapi Allah sudah menyediakannya untuk kebahagiaan kita, sebelum Dia menjadikan dunia ini” (1 Korintus 2:7)

Sebelum dunia ini diciptakan, Tuhan telah merancang pemupukan manusia dan Dia menyediakan satu jalan yang dengannya semua manusia di dunia ini dapat diselamatkan. Tuhan merahsiakan rancangan-Nya sehingga masa yang ditentukan-Nya tiba. Apakah misteri keselamatan yang telah disembunyikan oleh Tuhan sebelum dunia ini diciptakan?

### 1. Jalan keselamatan manusia telah dirancang terlebih dahulu

Selepas Adam dan Hawa digoda oleh ular dan mereka dikutuk kerana memakan buah daripada pokok yang memberi pengetahuan tentang yang baik dan yang jahat, Tuhan telah bernubuat tentang keselamatan manusia. Dalam Kejadian 3:15, Tuhan berkata, “Engkau dan perempuan itu akan saling membenci; keturunannya dan keturunanmu akan sentiasa bermusuhan. Keturunannya akan meremukkan kepalamu dan engkau akan mematak tumit mereka.”

Secara rohaninya, “perempuan itu” bermaksud Israel manakala “keturunannya” melambangkan Yesus Kristus yang akan datang dari kalangan orang Israel (Whyu 12:5). Tuhan menubuatkan penyaliban Yesus Kristus yang akan datang dari bangsa Israel, memusnahkan autoriti Iblis, dan menyelamatkan semua manusia. Memandangkan Iblis sedar tentang perkara ini, Iblis sentiasa berasa terdesak dan takut akan kedatangan Penyelamat.

Yesus kemudian dilahirkan di sebuah kota bernama Betlehem di Israel kira-kira 2,000 tahun yang lalu. Iblis cuba membunuh-Nya dengan menghasut Raja Herodes yang memerintah Israel pada masa itu. Malaikat Tuhan menampakkan diri dalam mimpi Yusuf. Yusuf melarikan diri ke Mesir bersama Yesus. Iblis berterusan cuba untuk membunuh Yesus berkali-kali dengan menghasut kejahatan orang Farisi dan

para imam tetapi Tuhan sentiasa memelihara-Nya.

Apabila tiba masa yang ditentukan oleh Tuhan, Yesus ditangkap oleh orang jahat dan mati dalam kematian yang kejam di atas kayu salib. Iblis berfikir bahawa segala-galanya telah diselesaikan melalui kematian Yesus, tetapi melalui peristiwa ini terkandung misteri Tuhan. Dengan membunuh Yesus yang tidak berdosa, Iblis sebenarnya berakhir dengan menjadi alat dalam memenuhi ketentuan Tuhan.

### 2. Yesus disalibkan dan dibangkitkan

Menurut hukum rohani yang terkandung dalam Roma 6:23 yang menyatakan, “Kematian adalah upah dosa,” hukuman mati hanya dikenakan ke atas orang yang berdosa. Namun begitu, Iblis telah membunuh Yesus yang tidak berdosa, jadi Iblis akhirnya melanggar hukum dunia rohani. Akibat pelanggarannya, Iblis terpaksa melepaskan autoritinya dalam menguasai manusia dan kematian.

Walaupun Yesus mati di atas kayu salib, Dia telah mengatasi kematian dan dibangkitkan kerana Dia tidak berdosa. Oleh itu, sesiapa yang percaya kepada Tuhan Yesus yang telah mati dan dibangkitkan, akan dibebaskan daripada kuasa kematian Iblis dan dibenarkan untuk masuk ke syurga (Roma 5:18-19). Selain itu, Firman Tuhan dalam Kejadian, “Keturunannya akan meremukkan kepalamu” telah dipenuhi.

Sekiranya Iblis mengetahui ketentuan salib, Iblis tidak akan menyebabkan Yesus ditangkap dan dibunuh (1 Korintus 2:8-9). Yesus, yang bersatu dengan Tuhan, tahu tentang ketentuan ini. Dia mati di atas kayu salib dalam ketaatan kepada kehendak Tuhan dan dengan itu memenuhi ketentuan keselamatan.

Oleh itu, Roma 10:10 menyatakan, “Kerana kita sungguh-sungguh percaya, kita diterima oleh Allah sebagai orang yang sudah berbaik semula dengan-

Nya. Kerana kita mengakui Yesus di hadapan orang, kita diselamatkan,” sesiapa yang bersatu dengan Tuhan Yesus melalui iman akan menerima keselamatan oleh rahmat Tuhan.

### 3. Kita menerima keselamatan apabila kita percaya dan menyerupai Yesus Kristus

Apakah maksud, “Kita bersatu dengan Tuhan Yesus melalui iman?” Yohanes 6:56 menyatakan, “Sesiapa yang makan tubuh-Ku dan minum darah-Ku, hidup bersatu dengan Aku dan Aku dengan dia.” Makan tubuh dan minum darah Anak Manusia bermaksud kita menerima Firman Tuhan, hidup menurut Firman Tuhan, dan menunjukkan kepada Tuhan bukti iman kita. Kita kemudiannya bersatu dengan Tuhan Yesus dan Tuhan Yesus bersatu dengan kita.

Sudah tentu tidak mudah untuk mentaati dan hidup menurut Firman kebenaran sejurus selepas menerima Tuhan Yesus. Namun begitu, apabila seseorang berusaha dengan segenap hati untuk mentaati Firman Tuhan, Tuhan akan mengakui perbuatannya sebagai iman. Menerima Firman Tuhan dan mengikuti Tuhan Yesus merupakan cara untuk kita bersatu dengan Tuhan Yesus melalui iman.

1 Yohanes 1:7 menyatakan, “Tetapi jika kita hidup dalam cahaya, sebagaimana Allah ada dalam cahaya, maka kita hidup rukun dan darah Yesus, Anak-Nya, membersihkan kita daripada segala dosa.” Apabila kita hidup dalam Firman Tuhan iaitu “Cahaya”, darah Yesus akan membersihkan kita daripada segala dosa. Selain itu, kita dapat mengambil bahagian dalam kemuliaan kebangkitan dan hidup bahagia di dalam kerajaan syurga yang kekal.

### 4. Kita menjadi anak Tuhan yang sejati apabila kita hidup dalam Cahaya selepas dilahirkan semula

Dalam Wahyu 3:20, Tuhan Yesus menyatakan, “Dengarlah! Aku berdiri di depan pintu dan mengetuk. Jika seseorang mendengar suara-Ku dan membuka pintu, Aku akan masuk ke dalam rumahnya lalu makan bersama-sama dia dan dia makan bersama-sama Aku.” Sesiapa yang membuka pintu hatinya dan menerima Tuhan Yesus, Tuhan Yesus berjanji untuk mengampuninya dan bersama dengan dia.

Membuka pintu hati kita memerlukan pembukaan pintu pemikiran kita. Apabila kita mendengar pesanan Tuhan, kita tidak boleh berkeras dengan

pemikiran dan pengetahuan kita tetapi menerima Firman-Nya. Hanya dengan demikian Roh Kudus yang datang ke dalam hati kita memberikan kita kekuatan untuk hidup dengan iman yang sejati dan Firman-Nya.

Beginilah cara kita dilahirkan semula daripada air dan Roh Kudus. Sesiapa yang dilahirkan semula dengan cara ini ialah anak Tuhan yang namanya dicatatkan dalam Buku Kehidupan di syurga tempat dia mendapat kewarganegaraan. Sama seperti ada peraturan dan undang-undang yang perlu dipatuhi dan diikuti di dunia ini, juga ada undang-undang syurgawi yang terkandung dalam Firman Tuhan Bapa kita. Apabila kita hidup dalam Cahaya, kita tidak akan dihasut oleh Iblis. Sebaliknya, sehingga hari kita masuk ke syurga, kita akan hidup dalam perlindungan Tuhan dan berkat-Nya yang berkelimpahan.

Saudara dan saudari yang saya kasihi dalam Kristus. Kisah Rasul-rasul 16:31 menyatakan, “Percayalah kepada Tuhan Yesus, lalu kamu akan diselamatkan – kamu dan keluargamu!” Tuhan Yang Maha Kasih menyediakan Yesus Kristus supaya semua orang dapat mencapai keselamatan melalui iman.

Tuhan merahsiakan perkara ini, dan sehingga masa yang dipilih-Nya tiba, Tuhan Yesus membuka jalan keselamatan manusia dengan digantung di atas kayu salib dalam kasih-Nya. Tuhan menjadikan hal ini tidak mustahil bagi sesiapa yang percaya kepada Tuhan Kristus untuk dapat menerima Roh Kudus dan keselamatan dan kebangkitan, serta menikmati kehidupan kekal di Syurga.

Saya berdoa demi nama Tuhan Yesus agar anda dapat merasakan kasih Tuhan, mencapai hati yang ikhlas dengan keyakinan iman yang penuh, dan dengan itu memasuki Syurga yang kekal sebagai anak-anak Tuhan.

## Berita Manmin

Malay

Diterbitkan oleh Gereja Pusat Manmin

73, Yeoidaebang-Ro, 22-Gil, Dongjak-Gu, Seoul, Korea Selatan (Poskod: 07058)

<http://www.manmin.org/english>[www.manminnews.com](http://www.manminnews.com)E-mel: [manminen@manmin.kr](mailto:manminen@manmin.kr)

Penerbit: Dr. Jaerock Lee

Diterjemahkan oleh Biro Misi Luar Negara



Telefon: 82-2-824-7107  
[www.gcntv.org](http://www.gcntv.org)  
[webmaster@gcntv.org](mailto:webmaster@gcntv.org)



Manmin International Seminary

Telefon: 82-2-818-7032  
[www.manminseminary.org](http://www.manminseminary.org)  
[manminseminaryhq@gmail.com](mailto:manminseminaryhq@gmail.com)



World Christian Doctors Network

[www.wcdn.org](http://www.wcdn.org)  
[wcdnkorea@gmail.com](mailto:wcdnkorea@gmail.com)



Urim Books

Telefon: 82-2-818-7241  
[www.urimbooks.com](http://www.urimbooks.com)  
[urimbook@hotmail.com](mailto:urimbook@hotmail.com)

## SOROTAN KHAS



**“Saya disembuhkan  
daripada jari bengkok pada  
tangan kanan saya  
dan sindrom lorong karpal.”**



Diaken Yeonsoo Lee

Usia 55

Paroki ke-14

Selepas bekerja atau bekerja dengan menggunakan komputer, jari tengah tangan kanan saya membengkok dan tidak dapat diluruskan. Jari itu tidak dapat diluruskan seolah-olah telah mengeras walaupun saya cuba meregangkannya secara paksa dan hampir tidak dapat diregangkan. Selepas pemeriksaan di hospital, saya mendapati bahawa keadaan ini ialah sindrom lorong karpal.

Saya merenung kembali sebab perkara ini berlaku kepada saya, dan tepat pada masanya ketika garis panduan kuarantin covid-19 dikeluarkan, saya dapat beribadat di gereja tempatan di Bundang. Saya berasa sangat gembira dapat beribadat di gereja, lebih-lebih lagi saya bersyukur kerana dapat melayani sebagai pemungut persembahan. Saya merasakan bahawa tugas ini amat berharga dan menjalankan tugas saya dengan sepenuh hati.

Saya juga bersedia untuk Retret Musim Panas Manmin dengan keikhlasan dan menghadirinya dengan penuh kerinduan. Namun begitu, selepas seminar pada hari pertama sebelum Dr. Soojin Lee berdoa untuk orang yang sakit, ketika menyanyikan lagu pujian dengan kepenuhan Roh Kudus, saya membuka tangan saya dan mendapati bahawa jari tengah saya dapat diluruskan. Saya berasa amat kagum.

Selain itu, kaki saya berasa sakit walaupun hanya sedikit sejuk dan saya tidak dapat menanggung sakit akibat kesejukan. Namun begitu, selepas menerima doa, saya sama sekali tidak berasa sakit walaupun udara daripada pendingin hawa bertiup ke arah kaki saya.

**“Anak saya langsung tidak  
dapat bercakap  
tetapi kini dia cuba untuk  
berkata-kata dengan  
mengeluarkan bunyi.”**



Winicai

Usia 30

Gereja Manmin Nairobi, Kenya

Anak lelaki saya, Lincoln, yang berusia 3 tahun tidak pernah mengeluarkan apa-apa bunyi selain menangis sejak kelahirannya. Saya mulai menghadiri Gereja Manmin Nairobi sebulan yang lalu, dan selepas Pendeta Myongho Cheong berdoa baginya dengan sapu tangan kuasa (Kisah Rasul-rasul 19:11-12), dia dapat mengeluarkan bunyi. Perkara yang sebegitu ajaib telah berlaku!

Saya menghadiri Retret Musim Panas Manmin melalui rakaman video di gereja. Selepas seminar pada hari pertama, apabila Dr. Soojin Lee berdoa bagi jemaat dengan sapu tangan kuasa, saya menerima doa untuk anak lelaki saya dengan bersungguh-sungguh. Selepas itu, saya terkejut apabila anak saya berterusan mengeluarkan bunyi seolah-olah dia cuba untuk mengatakan sesuatu. Saya bersyukur kepada Tuhan Yang Maha Kasih.



**“Saya disembuhkan  
daripada hernia cakera  
tulang belakang.”**



**Rajnish Maithani**  
Usia 40  
Gereja Manmin Delhi  
India

Saya mulai mengalami sakit belakang 2 tahun yang lalu, kemungkinan akibat terlalu banyak bekerja semasa membina rumah. Walaupun selepas mengambil ubat, kesakitan itu bermula lagi selepas seketika. 4 bulan yang lalu, kesakitan itu bertambah teruk dan sensasi pada kaki saya beransur hilang.

Doktor mengatakan bahawa saluran tulang belakang menyempit dan menekan saraf, menyebabkan rasa sakit dan kebas pada kaki. Saya mendapati bahawa sukar untuk saya duduk atau berdiri, membongkok, atau duduk untuk tempoh yang lama. Saya mahu menerima kesembuhan dengan pasti dalam Retret Musim Panas Manmin. Selepas tiga hari berpuasa dan berdoa dengan sungguh-sungguh, saya menyedari tembok dosa saya di hadapan Tuhan. Selepas bertaubat, saya yakin bahawa saya akan disembuhkan. Saya menghadiri seminar retret melalui YouTube, dan selepas menerima doa Dr. Soojin Lee, tiada masalah lagi bagi saya untuk duduk, berdiri atau membongkok. Haleluyah!

**“Saya disembuhkan  
daripada  
strok selepas bersalin.”**



**Diaken Kanan  
Youngnam Park**  
Usia 62  
Paroki ke-12

Sejak 4 tahun yang lalu, tulang saya terasa sakit akibat strok selepas bersalin. Saya berpeluh dengan banyak dan berasa sangat sejuk sehingga saya perlu memakai stoking walaupun pada musim panas, dan saya tidak dapat tidur dengan nyenyak.

Saya berdoa dengan bersungguh-sungguh untuk menerima kesembuhan melalui Retret Musim Panas Manmin. Kemudian, saya mendapati ada kesedihan dalam diri saya. Semasa berdoa, saya mendapat kekuatan untuk menyingkirkan kesedihan itu, jadi saya berasa gembira dan bersyukur. Selain itu, dalam mimpi saya, Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee berkata, “Diaken Kanan Park, kongsikan kesaksian anda.” Saya berasa sangat gembira dan yakin bahawa saya akan menerima kesembuhan.

Rahmat dan rasa tersentuh meliputi saya dari jam pertama ketika saya menghadiri Retret Musim Panas Manmin dengan kerinduan. Selepas seminar, apabila Dr. Soojin Lee berdoa untuk orang sakit dengan sapu tangan kuasa (Kisah Rasul-rasul 19:11-12), semua gejala hilang selepas saya menerima doa itu. Kini, tubuh saya terasa ringan seperti sedang terbang.

**“Pening dan  
sakit kepala hilang.”**



**Diaken Bireorma**  
Usia 58  
Gereja Manmin  
Mongolia

Pada tahun 2010, saya menderita sakit kepala dan pening. Saya menjalani pemeriksaan di hospital, dan mendapat tahu bahawa penyakit itu ialah infarksi otak. Saya mencuba rawatan seperti yang disyorkan oleh doktor tetapi tidak ada yang berkesan.

Apabila saya mendengar berita bahawa Retret Musim Panas Manmin akan diadakan pada tahun ini, saya mahu pergi ke Korea dan mengambil bahagian dalam acara rahmat tersebut. Saya bertekad untuk disembuhkan daripada penyakit saya. Ketika saya membaca Alkitab, saya bertaubat daripada perkara-perkara yang tidak patut di hadapan Tuhan, mempersiapkan diri saya dengan doa yang sungguh-sungguh, dan akhirnya bertolak ke Korea.

Namun begitu, rasa pening dan muntah semakin teruk di atas kapal terbang. Hal yang sama ketika saya tiba di Korea. Setelah saya tiba di tempat retret, keadaan tidak bertambah baik sehinggalah saya menerima doa. Sebaik sahaja doa Dr. Soojin Lee selesai, kepala saya terasa ringan. Rasa pening dan muntah hilang dalam sekelip mata. Haleluyah!